☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 7/4/2012
Hari: SABTU M/S: 11
Ruangan: UTARA

420 pelajar SMK Baling berkampung di UUM ikuti program motivasi

KUBANG PASU 6 April - Seramai 420 pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Baling 'berkampung' di Universiti Utara Malaysia (UUM) mulai semalam hingga esok bagi mengikuti program motivasi.

Program anjuran Dewan Penginapan Pelajar Bank Simpanan Nasional (DPP BSN) dengan kerjasama Persatuan Bekas Pelajar SMK Baling itu dirasmikan oleh Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak di Dewan Mu'adzam Shah, Sintok semalam.

Beliau berkata, program berkenaan perlu dilihat sebagai satu medium bagi meningkatkan tahap keyakinan diri selain menanam usaha dan cita-cita yang tinggi di kalangan pelajar terbabit.

"Kita berharap para pelajar telah mula menanam azam untuk masuk ke menara gading ini dan seterusnya memperoleh ijazah kelas pertama, bukan sekadar untuk lulus dalam peperiksaan SPM dan STPM sahaja," katanya ketika merasmikan program berkenaan.

Tegas Mohamed Mustafa, para pelajar hanya perlu berusaha menggapai apa yang diimpikan memandangkan peluang pendidikan tinggi kini lebih terbuka luas kerana kerajaan sememangnya sentiasa berusaha menyediakan pelbagai kemudahan pendidikan untuk rakyat, khususnya generasi muda.

MOHAMED Mustafa Ishak (tengah) bersama calon SPM, STPM dari SMK Baling yang gembira mengikuti program motivasi di UUM, Kubang Pasu, kelmarin.

"Sesiapa sahaja boleh maju hari ini asalkan berusaha, tidak kiralah anak petani, penoreh getah, pesawah, nelayan atau buruh kasar. Tidak perlu untuk membezakan taraf hidup masing-masing dan menjadikannya ukuran untuk mencapai suatu kejayaan.

"Jika dibandingkan dengan negara yang lain, hanya anak orang kaya, anak usahawan dan anak pegawai tinggi kerajaan sahaja yang boleh masuk universiti sebab mereka ada peluang dan kemampuan," katanya.

Tambahnya lagi, Malaysia sebuah negara yang bertuah kerana kerajaan banyak memberi bantuan pendidikan bermula dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat tertinggi.

"Sebab itu, kita jangan mensia-siakan peluang yang diberikan, sebaliknya tanamkan azam dan kesungguhan untuk berjaya," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bekas Pelajar SMK Baling, Ahas Hamid berkata, pihak sekolah amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan UUM dalam menjayakan program yang julung kali diadakan oleh sekolah ini.

"Saya berharap pelajar yang mengikuti program motivasi selama tiga hari di UUM dapat menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu sepanjang program ini.

"Pihak kami juga percaya program seumpama ini boleh dijadikan program tahunan demi memastikan kecemerlangan pelajar pelajar sekolah ini. Usaha ini juga merupakan satu dorongan kepada pelajar dalam memotivasikan diri di samping merasai sendiri pengalaman berada di menara gading," katanya.

Dalam majlis tersebut, hadirin turut dihiburkan dengan deklamasi sajak oleh wakil Majlis Perwakilan Pelajar UUM, Meou Muhammad Afif Amran Abu Bakar.